

16 JUL 1996
Mahathir-Perniagaan
SYARIKAT M'SIA DIMINTA TEMBUSI ASIA TENGAH MENERUSI KYRGYZ

Oleh: Rachman Nordin

BISHKEK, 16 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihati syarikat-syarikat Malaysia supaya menggunakan Republik Kyrgyz sebagai pangkalan untuk menembusi pasaran Asia Tengah yang akan menjadi sebuah kawasan perdagangan bebas di bawah Kesatuan Ekonomi Asia Tengah.

"Penyatupaduan pasaran yang dicadangkan itu yang akan mewujudkan sebuah pasaran yang lebih luas di Asia Tengah akan membantu mengekalkan industri yang jika tidak adalah agak mustahil," katanya pada mesyuarat perniagaan Kyrgyz-Malaysia di sini pada hari kedua lawatan rasminya.

Dalam pada itu, beliau menggesa ahli perniagaan Republik Kyrgyz supaya menggunakan Malaysia sebagai pusat untuk memperluaskan operasi perniagaan mereka dengan negara-negara lain di Asia Tenggara.

Mereka boleh mengambil kesempatan daripada Asean, yang turut dianggotai Malaysia, yang menjadi sebuah kawasan perdagangan bebas menjelang tahun 2000 dengan tarif sifar bagi kebanyakan barangan pembuatan dan pasaran bagi 420 juta orang, katanya.

Mesyuarat itu dihadiri ahli perniagaan Kyrgyz dan 81 anggota rombongan terdiri daripada eksekutif Malaysia yang mengiringi Dr Mahathir, diketuai pengerusi dan ketua eksekutif Syarikat Penerbangan Malaysia Tan Sri Tajudin Ramli.

Yang turut hadir ialah rakan sejawatan Dr Mahathir dari Kyrgyz, Apas Jumagulov.

Kesatuan Ekonomi Asia Tengah dianggotai Kyrgyz, Kazakhstan dan Uzbekistan.

Kyrgyz dan Kazakhstan, yang mempunyai sejumlah 22 juta orang penduduk, telah menarik balik sekatan kastam antara mereka yang mengakibatkan peningkatkan jumlah perdagangan.

Dr Mahathir berkata langkah itu membuka peluang bagi syarikat-syarikat Malaysia menimbang menggunakan Kyrgyz sebagai pangkalan bagi operasi perniagaan mereka di Asia Tengah.

Tahap kerjasama ekonomi pada masa ini antara Malaysia dan Kyrgyz masih rendah dengan jumlah perniagaan hanya AS\$0.33 juta (RM825,000) dengan sebahagian besarnya adalah pengimportan barangan dari Kyrgyz oleh Malaysia, katanya.

Beliau menggesa ahli perniagaan Malaysia supaya melengkapkan usaha oleh kerajaan Kyrgyz dengan menjalankan usahasama dengan industri kecil dan sederhana republik itu.

Dilaporkan terdapat 5,600 koperasi dan perniagaan kecil dan sederhana di republik itu.

Dr Mahathir yakin republik itu, yang kaya dengan sumber galian, kulit, bulu biri-biri dan kapas, boleh menyokong industri pembangunan yang berdaya maju.

Beliau berkata syarikat-syarikat Malaysia boleh berkongsi pengalaman dengan Republik Kyrgyz dalam pembinaan lebuhraya, perumahan dan pembangunan hotel, bekalan tenaga, carigali minyak dan telekomunikasi.

Dr Mahathir berkata pengalaman Malaysia telah menunjukkan bahawa antara syarat bagi pertumbuhan ekonomi berkekalan ialah sistem infrastruktur yang efisien.

"Adalah wajar bagi Republik Kyrgyz untuk menetapkan sasaran meningkatkan kemudahan lebuhraya, telekomunikasi dan penjana tenaga untuk menyokong aktiviti ekonomi lain negara itu," katanya.

Kyrgyz telah menetapkan sasaran pertumbuhan jangka panjang minimum antara tiga dan empat peratus dan menggandakan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) menjelang tahun 2005.

-- BERNAMA

RN AKD